

Sambutan Pesta Krismas UMS 2018 15 Disember ini

UB 5.12.2018 A3

KOTA KINABALU: Exco Sukan, Seni dan Budaya, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi akan menjayakan penganjuran Pesta Krismas UMS 2018 yang akan berlangsung pada 15 Disember ini.

Pengarah Program Yuselley Yuyut berkata, Pesta Krismas UMS yang diadakan setiap tahun itu bertujuan memupuk semangat perpaduan dan mengeratkan hubungan silaturahim siswa-siswi pelbagai kaum dan agama.

“Selain itu, penganjuran Pesta Krismas ini juga dapat meneruskan semangat muhibah sesama warga UMS dan masyarakat luar yang berbilang kaum dan agama bagi mewujudkan suasana kampus harmoni, sekali gus mempromosikan keharmonian di dalam kampus UMS,” katanya.

Menurut beliau, pelbagai acara menarik bakal disediakan pada malam itu bagi memeriahkan lagi sambutan Pesta Krismas tahun ini, antaranya cabutan bertuah yang menjanjikan hadiah menarik, persembahan khas daripada artis tanah air seperti Norlinda Nanuwil (AF2) dan Felix Agus (AF3), selain persembahan tarian kanak-kanak, koir, orkestra, sketsa muzikal dan sebagainya.

“Sambutan Pesta Krismas 2018 juga dijangka akan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan

Perindustrian Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau,” katanya.

Justeru, beliau mengajak orang ramai untuk hadir ke Pesta Krismas UMS kali ini bagi memeriahkan lagi suasana sambutan berkenaan.

Untuk maklumat lanjut, boleh berhubung urusetia program di talian 012-8812248 (Devra Alviana Dosip) atau mengikuti akaun rasmi *Facebook* di laman web <http://fb.com/pestakrismasharmoni> dan akaun rasmi Instagram di <https://www.instagram.com/>

[pestakrismas2018?r=nametag](#).

Harga tiket adalah RM6 (bagi pelajar sekolah rendah, sekolah menengah, IPTA dan IPTS) dan RM10 (awam) serta percuma bagi kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah.